

Headline	Sempurna hasrat arwah suami		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	14	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	346 cm <sup>2</sup>
Journalist	Redzuan Muharam	AdValue	RM 12,730
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,190



# Sempurna hasrat arwah suami

■ Isteri, anak lelaki jemaah pertama meninggal dunia diberi peluang tunai haji

Oleh Redzuan Muharam  
am@mediaprima.com.my

**“S**aya bersyukur dengan kesudian Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) menawarkan kuota untuk saya dan anak lelaki mengerjakan haji membolehkan meneruskan hasrat arwah suami yang tidak kesampaian,” kata Saniah Sanusi, 56, balu kepada jemaah negara pertama yang

meninggal di Madinah tahun ini, Daud Kamsani, 64.

Saniah berkata, dia akan ke Makkah dengan anak lelakinya, Mohamad Hanafe Daud, 31.

“Walaupun kami sekeluarga masih bersedih dengan kematian arwah di Madinah minggu lalu, saya bersyukur kerana dapat menunaikan haji serta menyempurnakan hasrat suami,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Felda Bukit Easter, di sini, semalam.

Sementara itu, Mohamad Hanafe berkata, bapanya bercita-cita ke Makkah dan begitu teruja selepas mendapat tawaran daripada 1Malaysian Development Berhad (1MDB).

“Bagaimanapun, Allah lebih menyanginya dan ar-

wah meninggal dunia akibat sakit jantung, 15 September lalu.

“Jadi, peluang diberi Tabung Haji ini amat bermakna dan kami akan manfaatkan dengan sebaiknya untuk beribadah selain mengunjungi pusara bapa di tanah perkuburan Baqi, Madinah,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Tabung Haji Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, tawaran itu sebagai usaha memperingati nasib waris arwah.

“Kami bersimpati dengan nasib keluarga arwah dan mengambil kesempatan ini menghadihkan kuota kepada balu dan anak lelakinya.

“Selepas 100 hari, mereka boleh hadir ke pejabat Ta-

bung Haji berhampiran dan mendaftar sebagai jemaah haji.

“Harapan saya supaya berita ini dapat memberi sinar dan kegembiraan kepada mereka sekeluarga,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Abdul Azeez berkata seorang lagi jemaah haji meninggal dunia di Makkah, kelmarin.

“Pegawai serta kakitangan pengurusan Tabung Haji akan mengunjungi rumah keluarga jemaah itu di Ipoh, Perak, esok (hari ini) bagi menyampaikan bantuan khairat kematian,” katanya.

Sempena kunjungan itu, Tabung Haji turut menyebarkan bantuan khairat kematian berjumlah RM1,500 kepada waris arwah.

Headline	Sempurna hasrat arwah suami		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	14	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	346 cm <sup>2</sup>
Journalist	Redzuan Muharam	AdValue	RM 12,730
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,190



**ABDUL Azeez (kiri), bersama Saniah (dua dari kiri) dan anaknya mengaminkan doa ketika menziarahi waris jemaah haji pertama yang meninggal dunia.**